



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 31 OKTOBER 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7.	'BAJET 2022 SEPERTI ULANG SIAR UNTUK PETANI, NELAYAN', DALAM NEGERI, UM -37 PESAWAH, PENOREH GETAH KECEWA, DALAM NEGERI, UM -37 DAN 2.0 TINGKAT PENGELUARAN, SEKURITI MAKANAN DOMESTIK, NASIONAL, BH AHAD -12 & 13 TIGA TERAS CAPAI ASPIRASI KELAURGA MALAYSIA, NASIONAL, BH AHAD -12 & 13 MAFI FOKUS PERKASA PERTANIAN MODEN, NEGARA, KOSMO AHAD -9 MAFI CADANG WUJUD JAWTANKUASA SEKURITI MAKANAN PERINGKAT NEGERI, NASIONAL, SH -10 PACU TRANSFORMASI AGROMAKANAN, NASIONAL, SINAR AHAD -6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
8. 9.	BAHAYA IKAN PENAKLUK, LAPORAN KHAS, METRO AHAD -2 LEPAS IKAN ASING SEMATA-MATA UNTUK BAYAR NAZAR, LAPORAN KHAS, METRO AHAD -3	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
10.	MADA SAMBUT BAIK PELAKSANAAN TAKAFUL PELADANG, NEGERI KEDAH, SINAR AHAD -28	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
11. 12. 13. 14. 15.	SENARAI AKHIR CALON IKON AGRO SELANGOR DIUMUM MALAM INI, SELANGOR KINI -ONLINE PKP DORONG PETANI SAYUR BERALIH USAHAKAN JAMBU BATU LOHAN, BERNAMA -ONLINE FARMERS STRIKES BIG WITH LOHAN GUAVA AFTER POOR VEGGIE SALES DURING MCO, ASTRO AWANI -ONLINE JELAPANG PADI WAJAR DAPAR PERUNTUKAN LEBIH TINGGI, DALAM NEGERI, UM -5 'KEBUN PINTAR' ROCK MELON, XPRESEI, METRO AHAD -34 & 35	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# 'Bajet 2022 seperti ulang siar untuk petani, nelayan'

Oleh JAMLIAN ABDULLAH  
zaid.noor@mediamulia.com.my

**ALOR SETAR:** Bajet 2022 yang dibentangkan kelmarin dianggap ulang siar semua subsidi sedia ada untuk golongan petani seolah-olah tiada isu atau masalah lain bagi mereka.

Pengerusi Badan Bertindak Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Che Ani Mat Zain berkata, kementerian berkaitan wajar memberi peruntukan tambahan untuk menyelesaikan masalah seperti memperkemas infrastruktur pertanian padi khususnya di kawasan MADA.

"Selesaikan juga masalah padi benih sah agar masalah yang lalu tidak akan berulang lagi. Kerajaan perlu mengambil tindakan segera untuk mengatasi masalah kenaikan melampau harga input pertanian racun baja.

"Selain itu bagi mengimbangi kos input, subsidi pengeluaran padi mentah mesti dinaikkan daripada RM360 satu tan metrik kepada RM500 satu tan metrik. Kerajaan perlu adil dan ambil peduli masalah ini," katanya kepada *Mingguan Malaysia* di sini semalam.

Bajet 2022 yang dibentangkan memperuntukkan sebanyak RM1.7 bilion sektor pertanian padi termasuk subsidi dan insentif pertanian.

Turut diperuntukkan subsidi harga padi RM570 juta, subsidi



SEORANG pesawah melakukan semburan racun di sawah miliknya di Alor Setar, Kedah. - MINGGUAN/SHAHIR NOORDIN

baja padi (RM383 juta) dan subsidi benih padi sah (RM75 juta).

Che Ani yang juga Pengerusi Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (Jaring) menambah, dalam sektor perikanan juga mempunyai pelbagai masalah yang harus diselesaikan demi kesejahteraan golongan berkenaan.

"Peruntukan RM151 juta untuk inisiatif tangkapan nelayan bukan satu jalan untuk menye-

lesaikan masalah lebih 100,000 nelayan utk meningkatkan hasil.

"Kekurangan ikan di perairan pantai barat Semenanjung sangat jelas merujuk kenyataan Ketua Pengarah Perikanan yang lalu, ikan di pantai barat cuma tinggal sekitar 40 peratus dan dijangka akan pupus menjelang 2035," katanya.

Jelasnya, kerajaan juga perlu menambah eset untuk mengawal pencerobohan bot pukut

tunda yang jelas merungkai anak-anak ikan yang bermutu tinggi dan dijadikan ikan baja.

"Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) juga perlu menggerakkan Persatuan Nelayan khususnya di utara supaya mengaktifkan semula peti sejuk beku yang boleh mengisi 650 mt dalam satu-satu masa di Kuala Kedah yang sekarang ini merupakan projek gajah putih," katanya.

## Pesawah, penoreh getah kecewa

**ALOR SETAR:** Golongan pesawah dan penoreh getah di sini kecewa apabila tiada peruntukan tambahan kepada mereka dalam Bajet 2022 dibentangkan kelmarin.

Seorang pesawah, Abd. Rashid Yob, 42, berkata, dia kecewa apabila bajet tersebut tidak seperti diharapkan oleh golongan sepejajannya.

Menurutnya, pesawah masih perlu menanggung kos input seperti benih, racun dan peralatan lain dengan harga tinggi mencecah 80 peratus.

Selain itu katanya, bajet tersebut tiada peruntukan atau kenaikan subsidi diumumkan.

"Bantuan khusus kepada pesawah juga tiada selain Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) yang tidak dapat membantu untuk jangka panjang," katanya di sini semalam.

Seorang penoreh, Abdulllah Idris, 49, berkata, dia yang diimpit kesukaran peroleh pendapatan berharap kerajaan dapat merealisasikan impian para penoreh.

"Sekurang-kurangnya dinaikkan harga lantai RM3.50 sekilogram berbanding sekarang hanya RM2.50 sekilogram yang menyebabkan kami sukar peroleh pendapatan secukupnya.

"Bajet yang dibentangkan itu juga tidak menyebut secara khusus kepada golongan penoreh getah yang hadapi kesukaran selain harga barangan seperti kereta sorong dan peralatan lain yang naik dan keadaan cuaca tidak menentu," katanya.

Seorang pekebun kecil, Mohd. Halim Nordin, 46, berkata, dia bersyukur kerajaan masih kekalkan bantuan musim tengkujuh seperti tahun sebelum ini.

"Ja sedikit membantu golongan kami yang tidak dapat peroleh pendapatan ketika musim tersebut," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/10/2021	BERITA HARIAN AHAD	NASIONAL	12

Ronald Kiandee

# DAN 2.0 tingkat pengeluaran, sekuriti makanan domestik

**Soalan (S):** Boleh Datuk Seri kongsi pandangan tuengenai Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0) dari sudut penumpuannya dan sejauh mana ia berbeza dengan DAN 2011-2020?

**Jawapan (J):** Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 atau DAN 2.0 adalah aspirasi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk menjadikan sektor agromakanan sebagai sektor mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi yang dapat memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan sekuriti dan nutrisi makanan.

Harus diingat, sumbangan sektor agromakanan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dijangka akan meningkat kepada 4.3 peratus dan nilai ditambah industri agromakanan disasar meningkat pada kadar pertumbuhan lima peratus dalam 2021 hingga 2030.

Semanginya DAN 2.0 ialah kesinambungan daripada DAN 2011-2020, tetapi ia disesuaikan berdasarkan senario semasa negara termasuk Fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) daripada pandemik COVID-19 dan cabaran pada peringkat global serta domestik.

Ia turut diajarkan kepada dasar nasional negara seperti Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030, Rancangan Ma-

Isu sekuriti makanan menjadi semakin kritikal ketika dunia berdepan pandemik COVID-19 yang turut menyebabkan penutupan sempadan hingga boleh menjejaskan negara sekiranya terus bergantung kepada sumber makanan import sahaja. Justeru, Malaysia melalui transformasi Dasar Agromakanan Negara (DAN 2.0) diharapkan dapat meningkatkan pembabitian sektor swasta, memperkukuhkan sekuriti makanan serta mengurangkan kebergantungan sumber import. **Wartawan BH**, Wan Jailani Razak dan Mahani Ishak mewawancara Menteri Pertanian dan Industri Makanan,

**Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.**

laysia Lima Tahun (RMK) dan Agenda Pembangunan Mampan (SDG) 2030.

Sudah tentu terdapat beberapa perbezaan antaranya DAN 2011-2020 memfokuskan usaha meningkatkan kecekapan industri agromakanan dan rantaian nilainya agar lebih produktif serta berdaya saing.

Ia sejajar aspirasi negara ketika itu untuk menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 dan berfokuskan pembangunan 15 industri

khusus (IK) termasuk pembangunan komoditi bernilai tinggi seperti kelapa, sarang burung walet serta ikan hiasan.

Bagi DAN 2.0 pula, disamping meneruskan usaha pembangunan industri komoditi bernilai tinggi itu, ia memberi tumpuan khusus terhadap agenda pemodenan dan membina ekosistem lebih kondusif serta mampan bagi empat sub-sektor utama, iaitu padi dan beras, buah-buahan dan sayur-sayuran, ternakan serta pe-

rikanan dan akuakultur dalam mencapai matlamat sekuriti makanan negara.

Selain itu, DAN 2.0 turut memberi fokus kepada peningkatan tahap kesejahteraan pengeluar makanan negara bagi mencapai tahap pendapatan lebih tinggi serta menggalakkan penyertaan penggerak industri berskala besar sebagai pemacu pertumbuhan sektor ini.

**S: Satu daripada penumpuan DAN 2.0 adalah sekuriti ma-**

**kanan. Dalam keadaan sekarang, sejauh mana kemampuan negara untuk mengeluarkan makanan secara domestik dan apa usaha MAFI ke arah itu?**  
**J:** Bagi mengukuhkan kemampuan negara untuk mengeluarkan makanan secara



## Tiga teras capai Aspirasi Keluarga Malaysia

**Soalan (S):** Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menetapkan setiap kementerian perlu membuktikan pencapaian awal dalam tempoh 100 hari pertama bermula 1 September hingga 9 Disember, apa perancangan Datuk Seri untuk memastikan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) itu dapat dicapai?

**Jawapan (J):** Ketika pembentukan Kabinet baharu pada 27 Ogos lalu, Perdana Menteri mengilhamkan Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) yang beliau menetapkan setiap kementerian perlu membuktikan pencapaian awal dalam tempoh 100 hari pertama.

Dalam memenuhi KPI itu, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memfokuskan tiga teras utama yang menyumbang kepada AKM 100 Hari Jemaah Menteri, iaitu Menstruktur Semula Ekonomi Negara yang menjadi Teras 1; Meningkatkan Kesejahteraan Sosial (Teras 3) dan Memperkasakan Penyampaian Perkhidmatan (Teras 6).

Ini bermakna, pendekatan baharu dan di luar kebiasaan digunakan dalam menghadapi cabaran sekuriti makanan termasuk disebabkan wabak COVID-19. Dalam hal ini, perancangan AKM yang ditetapkan bagi memberi keutamaan supaya benar-benar memberikan kesan dan impak besar kepada rakyat.

Justeru, semua jabatan dan agensi MAFI terbabit akan bekerjasama sebagai satu keluarga besar dalam memastikan projek, program dan inisiatif yang dilaksanakan memenuhi kehendak pemegang taruh.

Jadi, semua pihak diingatkan supaya mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan kepada golongan sasaran termasuk mengurangkan birokrasi bagi meningkatkan kecekapan khidmat kepada rakyat, sekali gus memastikan setiap KPI mencapai sasaran ditetapkan.

Sasaran AKM ini pula adalah suatu cerminan komitmen kerajaan bagi menyantuni segala permasalahan membekalkan negara dan masyarakat

daripada segala aspek umpamanya ekonomi, sosial dan politik serta akan memberikan impak besar kepada golongan sasaran dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat dan mengukuhkan jaminan sekuriti makanan negara.

**S: Sehingga kini, berapa tahap pencapaian yang sudah dikecapi sehingga ke hari ini.**

**J:** Kita baru sahaja meneliti pencapaian 50 hari AKM 100 Hari (1 September hingga 18 Oktober 2021) Jemaah Menteri dan mendapati tiga AKM utama yang mencatatkan peratus pencapaian 69 peratus.

Peratus pencapaian sasaran sehingga 18 Oktober itu, menunjukkan pencapaian MAFI berada pada landasan ditetapkan, malah lebih baik berbanding sasaran yang ditetapkan bagi 50 hari pertama AKM 100 hari jemaah menteri, iaitu sekurang-kurangnya 50 peratus.

Ini menunjukkan semua bahagian, jabatan dan agensi di bawah MAFI sangat komited serta berusaha mencapai sasa-

ran ditetapkan itu.

Sehingga 18 Oktober lalu, AKM utama menunjukkan pencapaian memberangsangkan terutama bagi Program Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang diterajui Bahagian Industri Padi dan Beras, MAFI dengan 280 peratus pencapaian dan Program Meningkatkan Taraf Hidup Kumpulan Sasar dalam pemberian bantuan/insentif dan pembiayaan yang diterajui oleh semua bahagian, jabatan dan agensi di bawah MAFI mencatatkan pencapaian pada 99 peratus.

Namun, bagi program Smart Card Keluarga Peladang dengan konsep transaksi *cashless* dan *contactless* bersama perlindungan takaful diterajui oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) masih dalam pelaksanaan bagi memastikan sekurang-kurangnya 2,000 ahli peladang menerima manfaat.

Program ini adalah suatu inisiatif baharu yang diperkenalkan dan baru sahaja dilancarkan LPP. Saya yakin men-

jang hujung bulan ini, dengan segala strategi dan promosi yang sudah disusun, sasaran 2,000 orang ahli peladang boleh dicapai. LPP komited mencapai sasaran 100 peratus menjelang 30 November ini.

Smart Card Peladang diwujudkan sebagai keistimewaan dan penghargaan kepada 920,678 ahli Peladang Malaysia terutama kepada peladang muda dan ahli peladang B40. Manfaat perlindungan takaful peladang merangkumi manfaat perlindungan, khairat kematian dan pelbagai lagi dengan perlindungan takaful hingga RM5,000 dengan caruman pada kadar RM5 disumbangkan kerajaan.

**S: Apakah halangan dan cabaran untuk mencapai ketetapan matlamat itu.**

**J:** Setiap subsektor memiliki cabaran serta masalah berbeza terutama dalam menghasilkan satu set KPI bagi menyelesaikan isu yang timbul memerlukan koordinasi dan komitmen di peringkat tertinggi.



domestik, MAFI mengguna pakai tahap sara diri (SSL), iaitu instrumen pengukuran tahap ketersediaan bekalan makanan negara berdasarkan komoditi makanan utama.

Dalam hal ini, bagi tempoh 2021 hingga 2030, SSL bagi bekalan makanan ruji negara, iaitu beras dijangka akan meningkat daripada 63 peratus kepada 80 peratus; sumber protein utama lai-

tu daging ayam dan ikan akan terus diperlingkatkan ke tahap 140 peratus dan 98 peratus, manakala sumber nutrisi pula, iaitu sayur-sayuran serta buah-buahan diunjur meningkat ke tahap 79 peratus dan 63 peratus masing-masing pada 2030.

Selain itu, penekanan khusus akan diberikan dalam memperlingkatkan tahap SSL daging lembu kepada 50 peratus dan susu segar ke tahap 100 peratus menjelang 2030.

Sebagai usaha mempertingkatkan kemampuan negara mengekalkan makanan secara domestik, DAN 2.0 memberi fokus terhadap Lima Teras Dasar, iaitu pemodenan pertanian, pengukuhan akses pasaran, pembangunan bakat industri, peningkatan amalan pertanian serta sistem makanan mampan dan pewujudan ekosistem perniagaan kondusif yang akan dipacu melalui pelaksanaan 21 Strategi dan 77 Pelan Tindakan.

Pada masa sama, 18 Strategi

dan 58 Pelan Tindakan sudah dirangka bagi pembangunan empat subsektor utama, iaitu padi dan beras; buah-buahan dan sayur-sayuran ternakan serta perikanan dan akuakultur.

**S:** Boleh Datuk Seri tulas kedudukan semasa tahap SSL dan mengapa kita masih lagi bergantung kepada bekalan import, contohnya beras?

**J:** Berdasarkan takrifan daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) atau Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) (UN FAO), tahap SSL diertikan sebagai sejauh mana sesebuah negara dapat memenuhi keperluan maknanya daripada pengeluaran domestiknya sendiri dan mengimpor atau melebihi 100 peratus daripada penggunaan maknanya.

Dalam hal ini, sekiranya SSL sesuatu komoditi makanan tidak mencapai tahap 100 peratus, ini bermakna negara perlu mengimport bagi menampung keperluan penggunaan yang selebihnya.

Jika dilihat dari kedudukan tahap SSL bagi komoditi makanan utama berdasarkan data pada

2019, SSL bagi beras adalah 63 peratus; buah-buahan (78.2 peratus); sayur-sayuran (44.6 peratus); daging ayam/itik (104.1 peratus); telur ayam/itik (119.1 peratus); daging lembu/kerbau (22.3 peratus); susu segar (63 peratus) dan ikan makanan (93

peratus).

Sehubungan ini, perangkaan semasa menunjukkan kos import makanan negara terus meningkat daripada RM51.4 billion pada 2019 kepada RM55.4 billion (2020). Pengimportan bahan makanan perlu bagi menampung kekurangan dalam pengeluaran tempatan serta bahan makanan yang tidak ekonomik untuk dihasilkan dalam negara seperti buah-buahan dan sayur-sayuran beriklim sederhana.

Mengambil contoh beras, 37 peratus daripada keperluan penggunaan komoditi itu berdasarkan sumber import.

Selain itu, bagi mengurangkan kebergantungan terhadap import beras, kerajaan melaksanakan pelbagai usaha untuk meningkatkan tahap pengeluaran beras negara termasuk memperkenalkan model sawah baharu seperti SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB), di samping melaksanakan intervensi semasa seperti penetapan harga lantai dan pemberian subsidi input.

**S:** Isu kehilangan tanah sawah akibat desakan pembangunan pernah mencetuskan kebimbangan. Boleh Datuk Seri kongsi berapa banyak tanah sawah hilang akibat ditebus guna untuk tujuan pembangunan dan sejauh mana usaha dilakukan untuk menggantikannya untuk mengelak ia menjejaskan pengeluaran padi negara?

**J:** Kehilangan tanah sawah sebanyak 15.3 peratus dalam tempoh sedekad lalu, iaitu perkembangan

amat mengusarkan. Secara tidak langsung, ia antara punca utama mengapa produktiviti pengeluaran padi kian berkurangan sehingga kini. Pada masa sama, penggunaan tanah adalah perkara di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Sehubungan itu, MAFI sentiasa bekerjasama rapat dengan kerajaan negeri dalam pelbagai platform bagi berbincang mengenai pengkalan kawasan jelapang dan luar jelapang sebagai kawasan pertanian.

Antara platform itu ialah Mesyuarat Menteri Pertanian dengan Exco-Exco Pertanian Negeri dan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Bandar dan Desa. Ini bagi memastikan sekuriti bekalan makanan negara kekal terjamin dan terpelihara pada masa akan datang.

**S:** Aspek teknologi merangkumi dari sudut modenisasi dan mekanisasi dengan kita banyak berbicara soal 'urban farming' dan pertanian moden dan sebagainya. Sejauh mana teknologi dimanfaatkan dalam sektor pertanian negara dan apa usaha kerajaan untuk memastikannya?

**J:** Buat masa ini, kebanyakan pengeluaran makanan berskala kecil dan petani masih cenderung menggunakan kaedah pertanian konvensional dengan penggunaan teknologi seperti jentera ladang. Namun sektor agromakanan di negara ini perlu berubah kepada sistem yang lebih moden dan komersial untuk bersaing dalam persekitaran ekonomi global.



Bagaimanapun saya bersyukur kerana mendapat kerjasama sangat baik daripada pegawai MAFI dan agensi yang berada bersama-sama untuk memperincikan strategi dan inisiatif yang paling memberi impak paling besar buat industri pertanian agromakanan serta golongan sasarannya.

Cabaran lain pula mungkin membabitkan aspek masa dengan sasaran yang cuba dicapai adalah besar dan signifikan, namun tempohnya hanyalah dalam 100 hari sahaja.

Tempoh 100 hari itu pula berada pada suku terakhir 2021 yang memerlukan perancangan dan strategi perbelanjaan jitu dan efektif.

AKM 100 hari ini juga bukan sekadar menilai pencapaian sasaran KPI, ia turut akan mengukur sentimen awam melalui kaedah soal selidik dan tinjauan pendapat secara dalam talian.

Dalam hal ini, *visibility* sangat penting, terdapat banyak inisiatif sudah diusahakan MAFI namun tidak semuanya mendapat liputan luas. Apa yang penting MAFI, akan terus melaksanakan yang patut untuk memastikan semua kumpulan sasar mendapat manfaat sewajarnya.

**S:** Bagaimanakah Datuk Seri

menyediakan Kad Laporan Pencapaian AKM 100 hari?

**J:** Kad Laporan Pencapaian AKM 100 hari adalah mekanisme penilaian pencapaian prestasi menteri dan kementerian berdasarkan tiga elemen utama, iaitu Penilaian Prestasi Kementerian/Jabatan, Penilaian Kepimpinan berdasarkan keberkesanan keberhasilan inisiatif serta Penilaian Persepsi Awam terhadap ahli Jemaah Menteri dan Kementerian.

Jadi 10 AKM yang dipertanggungjawabkan kepada kementerian ini mesti mengambil kira kepentingan seluruh masyarakat pertanian agromakanan baik petani, pesawah, penternak dan juga nelayan. Sebanyak 136 cadangan KPI sudah diterima dari-

pada semua bahagian di MAFI dan daripada seluruh jabatan dan agensi bernaung di bawah Kementerian ini.

Seterusnya, keseluruhan 136 cadangan ini sudah dibekalkan pada peringkat kementerian dan hasilnya adalah 10 AKM holistik, berimpak tinggi dan menepati prinsip *Specific, Measurable, Achievable, Realistic, Time-liness* berjaya dirumus dan dijadikan sebahagian daripada AKM 100 hari Jemaah Menteri.

Tiga AKM Utama 100 Hari dan tujuh AKM yang dipertanggungjawabkan kepada semua jabatan/agensi berkaitan untuk dilaksanakan dan dipantau secara rapat bagi memastikan kesemua sasaran dapat dicapai dalam ma-

sa 100 hari ini.

Kesemua 10 AKM ini mengambil kira penilaian jangka masa 100 hari, sederhana (satu hingga dua tahun) dan panjang (Rancangan Malaysia Lima Tahun) turut menjadi cerminan komitmen kementerian dalam memperkukuhkan sektor agromakanan negara.

Dengan penetapan ini, sokongan dan komitmen berterusan dengan seluruh keluarga MAFI dan pemain industri supaya dapat terus memartabatkan sektor agromakanan dan sekuriti makanan negara serta membela warga tani, penternak

dan nelayan secara keseluruhannya.

Selain itu, MAFI turut menunjukkan komitmen dengan memaparkan Tetapan Paparan Kiraan Mengundur (*Countdown*) menjelang 100 Hari dalam web rasmi MAFI dan Pemantapan Pelan Komunikasi Strategik AKM 100 Hari MAFI menunjukkan Keluarga MAFI sedang memberi kepentingan kepada janji pencapaian AKM 100 hari.



MAFI meningkatkan strategi yang dilaksana melalui DAN 2.0 dalam usaha memperkasakan pengeluaran sumber makanan negara bagi menjamin bekalan berterusan pada masa hadapan. (Foto hiasan)



31/10/2021

KOSMO

NEGARA

9

AHAD

Langkah jadikan Malaysia lebih kompetitif sebagai pengeluar utama makanan dunia

# MAFI fokus perkasa pertanian moden

Oleh RASDAN AHMAD

PETALING JAYA – Peruntukan lebih besar kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam Bajet 2022 yang diumumkan kelmarin membuktikan keprihatinan kerajaan Keluarga Malaysia.

Menternya, Datuk Seri Romaid Khande berkata, menerusi bajet itu, pihaknya dapat mengorak langkah mentransformasi sektor pertanian ke arah lebih moden, dinamik dan menjadikan negara lebih kompetitif sebagai pengeluar utama makanan dunia.

Katanya, MAFI akan terus berperanan melaksanakan Bajet 2022 secara efektif bagi memastikan kelangsungan sektor agromakanan di setiap peringkat rantai bagi membolehkan rakyat memperoleh bekalan mencukupi dan berkhasiat.

"Secara umumnya, semua inisiatif yang diumumkan dalam Bajet 2022 sudah diajarkan kepada Rancangan Malaysia (RMK) Ke-12 dan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 yang dilancarkan pada 25 Oktober lalu.

**SUBSIDI DAN INSENTIF KESELURUHAN BAGI INDUSTRI PERTANIAN DAN PERIKANAN**  
**RM1.7 bilion**

**INSENTIF HASIL TANGKAPAN NELAYAN**  
**RM150 juta**

**PROGRAM PEMANTAPAN JAMINAN BEKALAN MAKANAN NEGARA**

**SKIM PERLINDUNGAN TAKAFUL SMART CARD PELADANG**  
**RM5 juta**

**SUBSIDI BENIH, BAJA, HARGA DAN PENGELUARAN PADI**  
**RM1.5 bilion**

**INISIATIF MEMINGKATKAN JAMINAN BEKALAN MAKANAN**  
**RM120 juta**

**PROGRAM BANTUAN INSENTIF MAKANAN TERMINAL DAN HARGA BERSUBSIDI DEDAK ISI RONG SAWIT**

**PROGRAM PEMBIAYAAN AEROMAKANAN**  
**RM1.25 bilion**

**BAJET 2022 MAFI**  
**RM 4.82 BILION**

**SUBSIDI BAJA PADI HUMA/BUKIT**  
**RM40 juta**

**PROJEK JAMINAN BEKALAN MAKANAN**

**PROGRAM GALAKAN USAHAWAN TEKNO PKS**

perusahaan masing-masing untuk terus menyumbang kepada pertumbuhan sektor agromakanan serta Keluaran Dalam Negara Kasar negara," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambahnya, biarpun negara masih berdepan pandemik Covid-19, sektor agromakanan mencatat pertumbuhan membesar pada kadar 2.3 peratus pada tahun lalu dan diunjur akan terus berkembang pada kadar 4.3 peratus tahun ini.

Bellau berkata, sebanyak RM3.28 bilion diperuntuk bagi perbelanjaan mengurus (OE) dan RM1.54 bilion bagi perbelanjaan pembangunan.

MAFI turut memperkenalkan empat inisiatif bagi meningkatkan jaminan bekalan makanan termasuk projek Jaminan Bekalan Makanan.

Turut diadakan Program Pemantapan Jaminan Bekalan Makanan Negara bagi menyediakan kemudahan logistik dan pusat penyimpanan stok bekalan makanan serta hasil pertanian segar berteknologi tinggi untuk petani dan pengusaha agromakanan.

"Saya yakin dan percaya Bajet 2022 dapat membantu

golongan sasar, pengeluar dan pengusaha agromakanan bagi

memastikan kesejahteraan sosioekonomi dan kelangsungan

## MAFI cadang wujud jawatankuasa sekuriti makanan peringkat negeri

**MUADZAM SHAH** - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan mengemukakan cadangan bagi mewujudkan jawatankuasa sekuriti makanan peringkat negeri dalam usaha untuk memperkakan semua subsektor agronomakan agar sekuriti makanan negara terus terjamin.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, usaha itu memertukan kerjasama dalam aspek keperluan tanah dan infrastruktur.

Menurutnya, cadangan itu akan dibawa ke jawatankuasa kabinet untuk diperincikan.

"Jawatankuasa itu akan dianggotai pegawai tinggi peringkat Persekutuan dan negeri, wakil agensi di bawah MAFI dan negeri masing-masing.

"Kerjasama negeri perlu kerana usaha memastikan ketangungan sekuriti makanan negara menjadi tanggungjawab bersama," katanya pada sidang akhbar sempena lawatan kerja ke Kompleks Tenuku Farm Fresh Berhad di sini pada Sabtu.

Sementara itu, Ronald

berkata, peningkatan pengeluaran tenuku dan daging negara antara sektor yang akan dibangunkan secara agresif oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

Menurutnya, ia bagi memastikan Tahap Sara Diri (SSR) bagi pengeluaran tenuku dan daging negara dapat ditingkatkan.

"Pada akhir RMK11, kita mampu hasilkan 22 peratus keperluan daging dan 62 peratus tenuku negara.

"Keadaan ini jelas memerlukan bahawa usaha meningkatkan pengeluaran tenuku negara telah berjaya namun masih ada ruang untuk ia terus ditingkatkan," katanya.

Menurutnya, dalam RMK12, pelbagai program dilaksanakan kementerian termasuk Program Pembangunan Industri Tenuku Negara melalui peruntukan RM42 juta, Program Naik Taraf Pusat Perkhidmatan Industri Tenuku (RM16.4 juta) dan Program Pembangunan Taman Kekal Pengeluaran Ruminan Tenuku (RM48.88 juta).

"Di samping pelbagai program dan dana yang disediakan,



Ronald (kiri) diberikan taklimat oleh Ketua Pegawai Operasi Farm Fresh, Azmi Zainal berhubung operasi Farm Fresh sempena lawatan kerja ke Kompleks Tenuku Muadzam Shah pada Sabtu.

usaha ini juga memertukan penglibatan pihak swasta untuk menjermah kehendak kerajaan itu.

"Penglibatan pihak swasta penting di mana syarikat Farm Fresh boleh dijadikan contoh.

"Selain bersama membangunkan ruminan tenuku negara, syarikat ini juga berjaya melahirkan usahawan mikro dalam pengedaran dan penjua-

lan produk tenuku," katanya.

Beliau berkata, melalui pelaburan swasta dalam industri itu akan merabatu meningkatkan SSL ruminan tenuku negara pada masa akan datang.

Sementara itu, Ronald berkata, MAFI melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar juga sedang memperkasakan industri tenuku melalui pembangunan

secara berfasa Lembah Tenuku Utara, Selatan, Borneo dan Lembah Tenuku Pantai Timur.

"Lembah Tenuku Muadzam telah menunjukkan kejayaan melalui Farm Fresh," katanya.

Beliau berkata, pemain industri ini dan semua rantaunya disaran menggunakan aplikasi teknologi terkini untuk operasi yang lebih efisien.



# Pacu transformasi agromakanan

MAFI terima peruntukan sebanyak RM4.82 bilion dalam Bajet 2022, lebih tinggi berbanding sebelum ini

Oleh NURUL HUDA HUSAIN

SHAH ALAM

Peruntukan berjumlah RM4.82 bilion yang diterima Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam Bajet 2022 jelas memperlihatkan keprihatinan kerajaan dalam mentransformasikan pertanian supaya menjadi sektor yang moden, dinamik dan kompetitif.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, ia sekali gus menjadikan sektor pertanian

sebagai salah satu jentera pertumbuhan ekonomi negara dan pengeluaran utama makanan dunia.

Katanya, peruntukan itu termasuk bagi tujuan perbelanjaan mengurus RM3.28 bilion dan perbelanjaan pembangunan RM1.54 bilion.

"Secara keseluruhan, peruntukan ini juga adalah lebih tinggi berbanding tahun 2021. Ini membuktikan keprihatinan Kerajaan Keluarga Malaysia dalam mentransformasikan sektor pertanian," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Mengulas lanjut, Ronald berkata, peruntukan itu juga bertujuan untuk memacu pmodenan sektor pertanian dalam meningkatkan jaminan dan keselamatan makanan serta menjana pendapatan lebih tinggi seterusnya menarik lebih ramai generasi muda agropreneur.

Ujarnya, MAFI juga akan terus memainkan peranan per-

ting melaksanakan Bajet 2022 secara efektif bagi memastikan kelangsungan sektor agromakanan di setiap peringkat rantau makanan dan supaya rakyat terus mendapat bekalan makanan mencukupi serta berkhasiat.

"Kerajaan di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pastinya akan sentiasa melaksanakan semua program dan inisiatif kesejahteraan rakyat yang diumumkan dengan berkesan," katanya.

Sementara itu, dalam perkembangan sama, beliau maktumkan secara amnya kesemua subsidi dan insentif untuk tahun 2022 ditkekalkan sama seperti tahun 2021.

"Ini menunjukkan komitmen kerajaan bagi mengekalkan momentum pengeluaran makanan khususnya tanaman padi yang menjadi komoditi tanaman makanan utama negara," katanya.



BAJET 2022 MAFI

RM 4.82 BILION

Perbelanjaan Mengurus  
RM 3.28 bilion

Perbelanjaan Pembangunan  
RM 1.54 bilion

#KELUARGA MALAYSIA

Facebook, Instagram, Twitter, YouTube icons  
@mafi.malaysia  
www.mafi.gov.my

MAFI | #MaklumiRajanya

Jumlah diterima MAFI untuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/10/2021	METRO AHAD	LAPORAN KHAS	2

Oleh Abnor Hamizam  
Abd Manap  
am@hmetro.com.my

Putrajaya

**SPESES TEMPATAN TERANCAM**

# BAHAYA IKAN PENAKLUK

Tidak mustahil suatu hari nanti pelbagai spesies ikan terkenal tempatan seperti ikan temoleh, kelisa, toman bunga, kelah, sebarau, haruan, kaloi, jelawat dan ratusan spesies lain bakal pupus serta tinggal nama di muzium akuakultur.

Isa susulan penyebaran pelbagai ikan asing berbahaya dari pelbagai benua yang di kesan semakin menguasai perairan negara.

**INFO**  
Spesies ikan baung ekor merah Asia dan patin high fin dilaporkan kerap ditemui di Sungai Selangor, Sungai Kinta, Sungai Perak, serta Sungai Pahang

Kebimbangan ini berasas apabila Jabatan Perikanan Malaysia menerima banyak maklumat dari pelbagai saluran media dan aduan awam mengenai kehadiran spesies ikan asing yang terdapat di negara ini.

Spesies ikan asing berbahaya yang biasa dijumpai di perairan umum di negara ini ialah patin siam (*Pangasianodon hypophthalmus*), ikan bandaraya (*Hypostomus plecostomus*), peacock bass (*Cichla spp*) dan udang kara air tawar (*Cherax spp* dan *Procambrus spp*).

Namun sejak beberapa tahun kebelakangan muncul monster spesies IAS yang boleh menjangkau ke saiz gergasi laitu ikan baung ekor merah Asia (*Phractocephalus hemiofloterus*) dan patin high fin (*Neosartus berneyi*).

Jurucakap Unit Komunikasi Korporat Jabatan Perikanan Malaysia berkata, dua spesies ikan asing ini bersifat pemangsa dan memakan ikan tempatan.

## FAKTA BERKAITAN IKAN ASING ATAU IKAN 'ALIEN' DI MALAYSIA



**Baung Ekor Merah**  
Berasal dari lembangan Mekong  
Boleh mencapai berat 80 kilogram  
Antara ikan air tawar paling agresif di dunia



**Arapaima**  
Ikan air tawar terbesar di dunia berasal dari Amerika Selatan  
Dibuang ke tasik berikutan ikan ikan cepat membesar dan agresif



**Alligator Gar (Ikan kepala buaya)**  
Berasal dari Amerika Utara  
Boleh membesar sehingga 3 meter dan mencapai berat 140 kilogram




**Patin Mekong (Mekong Catfish) dan Patin Choa Praya**  
Berasal dari sungai Mekong dan Sungai Choa Praya  
Mampu mencapai berat maksimum 350 kilogram



**Peacock Bass (Ikan raja)**  
Berasal dari Sungai Amazon, Amerika Selatan  
Bersifat karnivor dan cepat membiak  
Kerap dibuang ke tasik dan lombong oleh pemilik ikan hiasan



**Keli Afrika**  
Memakan anak ikan, anak udang atau ikan kecil tempatan  
Boleh mencecah berat melebihi 30 kilogram



Ikan baung ekor merah yang kerap ditemui di Sungai Perak dan Sungai Selangor

IKAN patin high fin yang banyak ditemui di Sungai Pahang

"Pada awalnya ikan asing ini dibawa masuk melalui pintu sempadan negara secara sah sebagai ikan untuk tujuan rekreasi memancing di kolam, ikan hiasan dan juga ikan ternakan akuakultur.

"Namun akibat kegagalan penternak untuk mengawal aktiviti pembiakan dan pengkulturan mereka, terdapat kemungkinan ikan asing ini terlepas secara tidak sengaja ke perairan umum," katanya.

Menurutnya, Kajian Inventori Perikanan Darat yang dijalankan Jabatan Perikanan Malaysia di beberapa lokasi antaranya di Timah Tasoh, Perlis menemui kehadiran ikan asing seperti Peacock Bass (*Cichla spp*), belida bintik (*Chitala chitala*) dan lampam jawa (*Puntius gonionotus*).

**Namun akibat kegagalan penternak untuk mengawal aktiviti pembiakan dan pengkulturan mereka, terdapat kemungkinan ikan asing ini terlepas secara tidak sengaja ke perairan umum"**

Sumber Jabatan Perikanan

"Terkini, spesies ikan baung ekor merah Asia dan patin high fin dilaporkan kerap ditemui di Sungai Selangor, Sungai Kinta, Sungai Perak, serta Sungai Pahang," katanya.  
Menurutnya, jumlah aduan mengenai ikan asing bersifat invasif (*invasive alien species* - IAS) didapati semakin kerap dan amat membimbangkan.

"Bagi mengurangkan kesan negatif kehadiran spesies ikan asing ini, jabatan juga secara aktif membuat program pelepasan ikan asil seperti lampam Sungai (*Barbonymus schwanenfeldii*), haung (*Mystus nemurus*), udang galah (*Macrobrachium rosenbergii*), sebarau (*Hampala macroleptodota*), kelah (*Tor tambroides*), kerol (*Osteochilus vittatus*) dan temoleh (*Probarbus julleni*).

"Isa dilakukan bersama masyarakat dan pemimpin setempat supaya mereka turut menghargai dan memelihara sumber ikan asli kita.  
"Penternak akuakultur juga diminta mengamalkan sistem akuakultur baik (*good aquaculture practices* - GAP) yang menekankan terhadap tanggungjawab bagi memastikan kawalan ikan yang di-



31/10/2021

METRO  
AHADLAPORAN  
KHAS

3

## Lepas ikan asing semata-mata untuk bayar nazar

**Jejebu:** Ada ikan ganas berasal dari luar negara ini sengaja dilepaskan kerana saiznya tidak mampu ditampung akuarium selain untuk tujuan ritual keagamaan termasuk membayar nazar atau hajat tertentu.

Kehadiran ikan asing bersifat penakut akhirnya menyebabkan populasi ikan asli di perairan darat Malaysia seperti di tasik, lombong, paya atau sungai merudut teruk dan diancam kepupusan.

Malah, ikan asing ini boleh menjejaskan ekonomi komuniti setempat, merosakkan ekosistem semulajadi dan dikhuatiri membawa penyakit dari luar kepada ikan asli di kawasan berkenaan.

Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, Halimi Abu Hanip berkata, sejarah kemasukan spesies ikan dari negara luar ke Malaysia sudah berlaku sejak puluhan tahun lalu.

Katanya ketika itu objektif utama kemasukan ikan asing adalah bagi tujuan ternakan



akuakultur iaitu sebagai sumber protein kepada rakyat dan penggemar ikan hiasan.

"Namun konflik mula timbul apabila ikan 'pendatang' ini terlepas dari kolam atau sangkar akibat bencana alam atau sengaja dilepaskan oleh individu yang membela berikutan kos pemeliharaan yang tinggi.

"Ada sebilangan spesies sudah diwartakan oleh jabatan perikanan melalui Akta Perikanan 1985 sebagai ikan yang dilarang import antaranya pacu, *peacock bass*, *arapaima*, *alligator gar*, *salmon*, *sturgeon*, udang kara air tawar dan beberapa jenis ikan *cichlid*.

"Walaupun bagaimanapun, ada yang sudah bolos masuk ke dalam perairan kita dan membiak pantas sehingga mendominasi sesuatu perairan," katanya ditemui ketika menjalankan inventori perikanan darat di Sungai Triang di sini.

Halimi berkata, ikan *peacock bass* sudah bernaharajalela di kebanyakan lombong dan tasik di sepanjang Pantai Barat Semenanjung.

"Udang kara *cherax* pula menakuti parit dan terusan di Johor, manakala ikan bandaraya menguasai kebanyakan sungai di Lembah Klang sehingga sukar

IKAN *peacock bass* yang merajai kebanyakan tasik dan lombong di negara ini.

### ANTARA KES KEMUNCULAN 'IKAN ASING' DI MALAYSIA

3 April 2021

Ikan baung ekor merah dikesan memasuki Sungai Perak selepas pemilik sangkar ikan memaklumkan sangkar ikan asing berkenaan hanyut dan pecah di Teluk Intan, Perak.

Disember 2020

Seorang nelayan pantai terkejut apabila menemui spesies ikan berkepala buaya di Perairan Sabak Bernam berhampiran Kampung Sungai Lang, Selangor. Ia dipercayai ikan Alligator Gar dari Amerika Selatan.

29 Januari 2020

Keabangsaan dan kemunculan ikan baung ekor merah di Sungai Pahang dikhuatiri mengancam spesies ikan sungai tempatan sehingga menjejaskan sumber pendapatan nelayan.

17 September 2018

Penduduk Kampung Tok Sangkut, Meranti, di Pasir Mas, kelantan gempar apabila berjaya menangkap seekor ikan patin gergasi seberat 150 kilogram (kg) di Sungai Lubok Jong. Ia dipercayai ikan Patin Choa Praya.

3 Mei 2018

Pernahcing di Kuala Terengganu mengesan kehadiran ikan asing *cichlid* yang dikenali sebagai earth eater atau pemakan bumi (*geophagus steindachneri*) selain ikan hantu hitam (*apteronotus albifrons*), berasal dari Amerika Selatan.

28 Februari 2017

Ikan keli Afrika dikesan sengaja dibuang pihak tertentu di Sungai Muar yang mengalir dari Negeri Sembilan hingga ke Johor serta Sungai Perai di Pulau Pinang.

27 Oktober 2013

Nelayan tasik di bukit merah, Kerlan, Perak, berjaya menangkap seekor ikan Alligator Gar selepas ikan pemangsa itu terperangkap pada bubu dawai dipasang.

di bendung lagi.

"Sesetengah spesies asing ini dapat meneruskan kelangsungan hidup di persekitaran kita atas kelebihan sifatnya yang tahan lasak dan mampu hidup dalam air tercemar seperti tilapia, ikan bandaraya, keli Afrika dan patin siam yang mana kebanyakan ikan asli kita sendiri tidak dapat bertahan di dalamnya.

"Sebagai contoh di sungai dalam bandar seperti Sungai Linggi di Seremban; Sungai Klang atau Sungai Langat di Selangor dipenuhi dengan ikan asing.

"Ada juga ikan asing ini cepat membiak, cekap memburu mangsa dan penjaga anak. Misalnya ikan *cichlid* yang berasal dari Afrika dan *peacock bass* dari Amerika Selatan.

"Semua pakej yang ada pada ikan asing ini menyebabkan ikan asli kita yang sensitif terhadap persekitaran tidak mampu bersaing sehingga lama-kelamaan populasinya merosot," katanya. Halimi berkata, ikan asli adalah spesies semula jadi

yang wujud di sesuatu perairan sejak azali, manakala spesies asing masuk ke perairan kita akibat perbuatan manusia.

Katanya sebagai contoh, jika pemangsa seperti *peacock bass* memasuki tasik yang asalnya mempunyai ikan pemangsa asli iaitu sebarau menyebabkan kedua-dua spesies ikan ini terpaksa bersaing untuk ruang dan makanan yang sama.

"Siapa kuat, dia akan menang. Bukti impak negatif ini dilihat sendiri ber-

dasarkan pengalaman selalu turun memancing di Tasik Chenderoh, Perak. Ikan sebarau yang suatu ketika dahulu meriah di tasik itu kini boleh dikatakan sudah hampir lenyap semenjak ikan *peacock bass* menakluki Chenderoh lebih 10 tahun yang lalu akibat dipisahkan individu tidak bertanggungjawab," katanya.

Sementara itu Halimi berkata, berdasarkan dapatan Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, terdapat dua lokasi di negeri ini yang sudah dicerobohi ikan *peacock bass* iaitu di lombong sekitar Ran-

tau dan Empangan Gemencheh.

"Sebarau selaku ikan asli yang wujud di Empangan Gemencheh dikhuatiri akan mengalami nasib yang sama seperti di Tasik Chenderoh di Perak, Empangan Jus di Melaka dan Tasik Timah Tasoh di Perlis yang kini dipenuhi pemangsa berasal dari Amerika Selatan itu.

"Pemangsa asli kita yang lain seperti ikan toman dan haruan pun sukar bersaing dengan ikan itu," katanya.

Justeru pihaknya khuatir ikan yang bernilai tinggi dan bersifat endemik turut diancam kepupusan, terutama spesies asli bersaiz kecil yang jarang kita peduli seperti ikan pelaga atau betta liar yang alami kemusnahan habitat akibat pembukaan hutan, pencemaran dan tebus guna paya.

"Kini ditambah pula ancaman kemunculan spesies ikan asing yang buas ibarat proses penghapusan etnik," katanya.

Menurutnya, Jabatan Perikanan bersama pihak berkepentingan, mempromosi kempen sayangi ikan asli serta menghapuskan ikan asing, menerapkan amalan akuakultur baik, memperbaiki sistem dan memperketatkan kawalan melalui perundangan, dan memperkasa komuniti perikanan setempat dengan bimbingan jabatan adalah antara cara yang boleh dilakukan untuk meminimumkan impak ikan asing sambil memulihara spesies asli.

"Berikutan itu, Jabatan Perikanan Negeri Sembilan juga memainkan peranan aktif dalam menjalankan program pelepasan ikan semata-mata bagi tujuan memulihara dan memperkaya semula perairan darat kita dengan spesies asli.

"Berdasarkan rekod sehingga September lalu, Jabatan Perikanan Negeri Sembilan sudah melepaskan kira-kira 400 ribu spesies ikan asli mencecah nilai RM110,000.

"Spesies ikan asli yang dilepaskan adalah seperti lampam sungai, udang galah, kerai, baung, terbol, puyu, sebarau, siapak, kelah, temoleh dan tapah," katanya.

Justeru, Halimi merayu dan amat berharap orang ramai mempunyai kesedaran untuk tidak melepaskan ikan asing ke perairan kita kerana impaknya terhadap ikan asli tempatan sangatlah besar dan merosakkan.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/10/2021	SINAR AHAD	NEGERI KEDAH	28

## MADA sambut baik pelaksanaan takaful peladang



**AHMAD TARMIZI**

**ALOR SETAR** - Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) menyambut baik cadangan program di bawah Skim Perlindungan Takaful Smart Card Peladang dalam Bajet 2022 pada Jumaat.

Pengerusi MADA, Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, kerajaan memperuntukkan RM5 juta bagi program itu yang dapat dimanfaatkan oleh semua ahli peladang berdaftar di bawah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di seluruh Malaysia.

Menurut beliau, terdapat seramai 57,635 peladang di kawasan MADA yang mengusahakan sawah seluas 100,658 hektar melibatkan 27 PPK.

“Kad Pintar Keluarga Peladang (Peladang-i) ini mempunyai gabungan tiga dalam satu menerusi kad debit Co-Brand Agrobank.

“Peladang-i juga boleh dijadikan sebagai kad identiti berkonsepkan transaksi perbankan moden yang turut dilengkapi manfaat perlindungan takaful sehingga RM5,000,” katanya dalam kenyataan pada Sabtu.

Beliau menambah, MADA turut menyambut baik cadangan kerajaan untuk terus memacu pemodenan sektor pertanian bagi meningkatkan jaminan dan keselamatan makanan selain menarik lebih ramai generasi muda agropreneur.

“Pengumuman pemberian subsidi dan insentif bagi industri pertanian dan perikanan akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM1.7 bilion.

“Antaranya RM1.5 bilion bagi subsidi benih, baja, harga dan pengeluaran padi termasuk subsidi padi huma sebanyak RM40 juta dapat terus membantu pesawah mengurangkan kos operasi ladang,” jelas beliau.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/10/2021	SELANGOR KINI	ONLINE	

## Senarai akhir calon Ikon Agro Selangor diumumkan malam ini



CYBERJAYA, 31 OKT: Senarai akhir calon Ikon Agro Selangor 2021 akan diumumkan menerusi Facebook EXCO Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Ir Izham Hashim malam ini.

Izham memaklumkan jumlah keseluruhan permohonan yang diterima adalah seramai 19 peserta sehingga ditutup pada 24 Oktober lalu.

“Menariknya tahun ini kita

menerima penyertaan daripada agro pelancongan.

“Saya uar-uarkan senarai pendek peserta yang terpilih malam esok (ini) dan video mereka dimuat naik untuk pemarkahan juri awam sebanyak 50 peratus,” katanya selepas melawat tapak jualan SAM di Taman Tasik Cyberjaya semalam.

Menerusi lawatan itu, Izham diiringi Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang Dato’ Abd Hamid Hussain dan Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Selangor Aiaida Abdul Rashid.

Ikon Agro Selangor 2021 mempertaruhkan lima kategori iaitu pertanian, penternakan, akuakultur, industri asas tani dan agro pelancongan.

Pemenang akan membawa pulang wang tunai, insentif input dan alatan pertanian berjumlah RM10,000.

Ikon Agro Selangor berperanan sebagai duta kecil untuk sektor pertanian di negeri ini serta membimbing usahawan tani yang baharu berkecimpung.

Jawatankuasa pertanian negeri turut memantau Ikon Agro Selangor selama dua tahun bagi memastikan mereka konsisten menjadi penyumbang bekalan makanan dalam tempoh jangka panjang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/10/2021	BERNAMA	ONLINE	

## PKP dorong petani sayur beralih usahakan jambu batu Lohan



Pengusaha Jambu Batu Lohan, Abd Halim Abdullah, 45, memeriksa kualiti buah yang ditanam di kebunnya di Pulau Gadong di sini, baru-baru ini. Beliau merupakan pengusaha tunggal Jambu Batu Lohan (GU16) di Melaka sejak Mac tahun lepas apabila tanaman sayur-sayuran yang diusahakannya tidak dapat dijual ekoran masalah pemasaran yang dihadapinya. Jambu Batu Lohan berkenaan akan dikomersilkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sebagai ikon buah-buahan negeri Melaka.



MELAKA, 31 Okt – Kesukaran memasarkan sayur-sayuran ketika bermulanya tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula Mac 2020, memaksa Abd Halim Abdullah mencari alternatif lain untuk kekal bertahan dan meneruskan kelangsungan hidupnya sebagai petani sayur.

Kerugian mencecah sehingga ribuan ringgit sehari, menyebabkan Abd Halim, 45, yang juga seorang kontraktor telekomunikasi beralih mengusahakan jambu batu atau guava varieti Lohan (GU16) dan ternyata usaha beliau menampakkan hasil lumayan setelah sembilan bulan menceburi penanaman jambu berkenaan.

Kini, katanya beliau menumpukan sepenuh masa sebagai pengusaha jambu batu Lohan sehingga mempunyai tiga kebun seluas 2.83 hektar di sekitar Kampung Tengah, Pulau Gadong di sini dengan 1,000 batang pokok sekali gus menjadi pengusaha tunggal di Melaka.

"Alhamdulillah, rata-rata pokok jambu yang saya tanam telah mencecah usia matang dan mampu mengeluarkan dua tan metrik jambu seminggu dengan pendapatan mencecah RM10,000," katanya ketika ditemui di kebunnya di Pulau Gadong di sini, baru-baru ini.

Abd Halim yang mengusahakan tanaman sayur-sayuran seperti cili padi centil dan terung sejak 13 tahun lepas, mengakui keputusan beralih mengusahakan tanaman jambu batu itu dilakukan ekoran pendapatannya sebagai kontraktor turut terjejas dalam tempoh PKP dan sekatan perjalanan.

"Pada mulanya banyak kesukaran yang saya hadapi termasuk dalam isu pemasaran sehingga bertan-tan jambu terpaksa dibuang kerana saya tidak tahu ke mana hendak memasarkannya sehinggalah saya berkolaborasi dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Melaka," katanya yang dibesarkan dalam keluarga petani.

Abd Halim berkata sehingga kini, beliau membekalkan jambu batu berkenaan kepada lebih 50 peniaga kecil dan seorang pemborong di negeri itu selain turut memasarkan hasil taninya di Negeri Sembilan, Selangor, Kuala Lumpur dan FAMA Melaka.

Bapa kepada empat anak itu berkata pengeluaran kira-kira lapan tan metrik buah jambu sebulan kadangkala masih tidak mampu untuk menampung pasaran luar Melaka, justeru beliau sedang mengusahakan projek rintis jambu U16 secara berkelompok bersama-sama enam rakannya di kawasan seluas 3.24 hektar di Jalan Setulang Daeng, Bukit Rambai di sini yang mempunyai 2,000 pokok.

"Projek rintis ini baru bermula awal Oktober lepas dan tanaman diusahakan secara berperingkat serta dijangka siap sepenuhnya pada Disember ini sebelum satu lagi projek tanaman secara kelompok akan diusahakan di tanah seluas 6.47 hektar di Bukit Katil pada awal tahun depan," katanya.

"Sekurang-kurangnya 10 tan metrik jambu disasarkan dapat dihasilkan dalam seminggu menjelang tahun depan," katanya yang kini mempunyai empat pekerja sepenuh masa termasuk seorang Orang Kurang Upaya untuk membantunya di tiga kebun tersebut.

Bercerita lanjut, anak kelahiran Muar, Johor itu berkata setakat ini jambu batu Lohan keluarannya itu banyak menerima respons positif daripada pembeli malah ada yang sudahpun menjadi pelanggan tetap disebabkan gemarkan rasa manis, rangup buah jambu berkenaan, selain mempunyai kandungan air yang tinggi.

"Buah jambu kami dijual terus dari kebun kepada pelanggan dalam pelbagai harga mengikut gred iaitu RM5 sekilogram bagi gred A, gred B (RM4 sekilogram) dan gred C (RM3 sekilogram)," katanya.

Katanya, FAMA juga bercadang melakukan penjenamaan ke atas nama jambu batu Lohan keluarannya, sekali gus menjadikan jambu batu sebagai ikon buah-buahan bagi Melaka dan beliau sangat berbesar hati dan menghargai inisiatif berkenaan.

-- BERNAMA



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/10/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

## Farmers strikes big with Lohan guava after poor veggie sales during MCO



*Abd Halim said he made the decision after income from his telecommunications contractor job also suffered during the period. - BERNAMA*

**MELAKA:** After facing difficulties in selling vegetables and losing thousands of ringgit each day following the movement control order from March last year, Abd Halim Abdullah decided to turn to Lohan guava (GU16) farming.

Abd Halim, 45, who has been cultivating vegetables such as chillies

and eggplants for the past 13 years, said he made the decision after income from his telecommunications contractor job also suffered during the period.

He now concentrates fully on Lohan guava or jambu batu cultivation and today he has three farms over a 2.83-hectare area around Kampung Tengah, Pulau Gadong here, which are planted with about 1,000 trees.

"In the beginning, there were endless problems including issues over marketing which resulted in the fruits going to waste until I began to collaborate with Melaka Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA).

"Alhamdulillah, the guava trees that I planted have reached maturity and are able to produce two tonnes of fruits to enable me to generate an income of RM10,000 a week," said Abdul Halim when met at his farm in Pulau Gadong here.

Apart from supplying them to FAMA Negeri Sembilan, Selangor, Kuala Lumpur and Melaka, Abdul Halim has been supplying his farm produce to about 50 small traders and a wholesaler in the state

According to Abdul Halim as the eight-tonne monthly supply was at times not sufficient for markets outside Melaka, he is currently working on a GU16 pilot project with six friends for the cultivation of 2,000 trees on a 3.24-hectare site in Jalan Setulang Daeng, Bukit Rambai.

"The group project took off in early October and the trees are being planted in stages to be fully completed by December, and this would be followed by another project on a 6.47-hectare site in Bukit Katil early next year.

"The projects are implemented to meet the growing demand for Lohan guava and my aim is to produce at least 10 tonnes of guava a week by the end of next year," said Abdul Halim who comes

from a farm family and now has four full-time employees including a person with disabilities (PwD) to assist him in the three farms.

Abd Halim said he initiated the group farming project to share his experience and help his friends generate good income equivalent to that of professional workers.

"Growing vegetables and growing Lohan guava is different especially in terms of capital, workload and burden of risk," he said adding that he has never regretted switching to guava cultivation.

So far he has received encouraging response on the quality of the Lohan guava from buyers who have now become his regular customers as they found the fruits sweet, crunchy and juicy.

In terms of pricing, Abdul Halim said the guavas are sold directly from the farms at RM5 per kilogramme for A grade fruits, B grade at RM4 and C grade at RM3.

On FAMA's proposal to brand his Lohan guava products and introducing them as Melaka's iconic fruit, Abdul Halim said he felt honoured and appreciated the move.

-- BERNAMA



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/10/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	5

# Jelapang padi wajar dapat peruntukan lebih tinggi

**ALORSETAR:** Kerajaan negeri Kedah yakin, pintu rundingan akan dibuka Kerajaan Persekutuan berkaitan keperluan negeri ini untuk mendapatkan jumlah peruntukan yang lebih tinggi pada masa depan.

Ini berikutan jumlah peruntukan khas buat negeri ini jauh lebih kurang berbanding nilai yang dipohon dalam Bajet 2022.

Menteri Besar, Muhammad Sanusi Md. Nor berkata, keadaan itu bukan semata-mata kerana Kedah merupakan negeri mungkin malah turut bersabit dengan pengorbanan dilakukan negeri ini demi kepentingan negara.

Menurutnya, sebagai penyumbang utama keperluan beras negara dengan kadar 43 peratus, negeri ini terpaksa mengekalkan tanah sawah sedia ada yang jika ditukar kepada status komersial dan industri akan memberi pu-

langan berlipat kali ganda kepada kerajaan negeri.

"Kami juga terpaksa mengekalkan kawasan hutan simpan seluas 341,000 hektar yang sebahagian besarnya terletak di Ulu Muda kerana lokasi itu merupakan kawasan tadahan sumber air tidak hanya untuk rakyat negeri ini malah Pulau Pinang.

"Atas pengorbanan itu, saya berharap dapat terus berunding dengan Kerajaan Persekutuan dari semasa ke semasa walaupun peruntukan khas itu tidak dinyatakan dalam belanjawan kali ini," katanya di sini semalam.

Katanya, kerajaan negeri bagaimanapun tetap berterima kasih di atas keprihatinan Kerajaan Persekutuan untuk memberi peruntukan khas RM20 juta, khusus untuk negeri-negeri kurang maju termasuk Kedah.

Dalam masa sama katanya,

kerajaan negeri turut berterima kasih terhadap peruntukan projek mencegah hakisan di Pantai Merdeka selain projek eksplorasi pelancongan sejarah di Kompleks Arkeologi Sungai Batu.

"Selain itu peruntukan secara tidak langsung yang disalurkan terutamanya untuk projek menaik taraf infrastruktur di kawasan luar bandar seperti jalan kampung serta kemudahan telekomunikasi di bawah program Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) turut memberi manfaat besar kepada rakyat negeri ini.

Selain itu, Muhammad Sanusi turut menzahirkan penghargaan terhadap bantuan pemulihan ekonomi yang disalurkan kepada komuniti usahawan kecil, pekebun kecil, penoreh getah dan lain-lain kumpulan berpendapatan rendah.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/10/2021	METRO AHAD	XPRESI	34



# 'KEBUN PINTAR' ROCK MELON

Siswa Usim perkenal gabungan teknologi IoT dalam tanaman fertigasi

HASIL kualiti rock melon yang dikeluarkan menerusi sistem LPCS

## AGRO

Oleh Mohd Amin Jaiff  
rencana@hmetro.com.my

Sektor pertanian ternyata mendatangkan hasil yang berbaloi bukan sahaja untuk kegunaan sendiri, tetapi juga dapat menjana kewangan.

Justeru, bagi membantu sektor itu terus berkembang maju, penuntut Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) Nilai, Negeri Sembilan mengambil inisiatif memperkenalkan ciptaan Laman Prosumer Control System (LPCS) untuk tanaman rock melon di kampus.

LPCS bertindak sebagai mengawal proses pembajaan, siraman dan meracun tanaman di ladang dengan hanya menggunakan telefon pintar.

Inovasi itu dihasilkan mahasiswa Usim yang mengintegrasikan teknologi Internet of Things (IoT).

Ia sekali gus memberi nilai tambah kepada penanaman secara teknik fertigasi yang semakin meluas ketika ini.

Penolong Naib Canselor (Perancangan Strategik dan Pehantarabangsa) Usim, Profesor Dr Mohd Yahya Mohamed Ariffin meluahkan rasa bangga atas usaha kumpulan penuntut berkenaan yang berjaya mencipta sistem LPCS.


Beliau berkata, projek itu menyerahkan ilmu pengetahuan serta kreativiti diperoleh hasil bimbingan pensyarah universiti.

"Pihak universiti bangga dengan inovasi terbaharu yang dihasil pelajar itu dan yakin ia boleh membantu menyumbang kepada kemajuan sektor pertanian tempatan," katanya.

Projek berkenaan dihasilkan sekumpulan pelajar tahun tiga Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina Usim.

Mereka terdiri daripada Muhammad Khairuz Zihani Kelana, Hairul Iskandar Hairul Nizam, Nur Syuhada Amir dan Siti Sarah Nabila Nor Zawawi yang masing-masing berusia 22 tahun.

Selaku ketua projek, Muhammad Khairuz



KOTAK kawalan utama yang mengendalikan operasi fertigasi secara IoT

OPERASI fertigasi boleh dipantau melalui aplikasi e-Prosumer di telefon pintar



GAMBARAN 3D topek pertanian yang menggunakan sistem LPCS



Zihani berkata, projek inovasi yang mereka hasilkan itu adalah sebahagian daripada tugas bagi subjek Reka Bentuk Projek Kejuruteraan Elektronik yang diambil pelajar tahun tiga.

Katanya, inovasi dicipta itu sesuai untuk digunakan di ladang pertanian berskala kecil yang menggunakan kaedah penanaman fertigasi.

"Kebetulan jabatan keselamatan universiti ini ada berusaha ka penanaman rock melon secara kecil-kecilan menggunakan kaedah fertigasi di Laman Prosumer.

"Kebun rock melon itu menjadi perintis kepada penggunaan ciptaan LPCS yang mempunyai tiga fungsi utama iaitu mengawal proses pembajaan, siraman dan meracun tanaman," katanya.

Menurut Muhammad Khairuz Zihani lagi, ketiga-tiga sistem itu dibangunkan berteraskan IoT yang membolehkan ia dikawal sepenuhnya petani menggunakan telefon pintar atau tablet melalui sambungan secara modul Wifi.

Jelas Muhammad Khairuz Zihani, melalui teknologi itu pengguna tidak perlu lagi berada di ladang sebaliknya boleh mengawal semua sistem berkenaan untuk berfungsi mengikut keperluan masing-masing di peranti sahaja melalui aplikasi 'e-Prosumer' yang turut dibangunkan.

Katanya, inisiatif itu adalah mengambil kira permasalahan yang kebiasaannya dihadapi petani sistem fertigasi.

"Melalui pemerhatian

**Ciptaan ini jika diperluaskan penggunaannya dalam tanaman fertigasi akan memberi nilai tambah tersendiri antaranya penjimatan kepada kos tenaga kerja dan pembajaan**

**HAIRUL ISKANDAR**

karu, ada tiga masalah utama yang dikenal pasti iaitu petani perlu menyemur racun secara manual di keseluruhan tanaman secara berkala bagi mengawal serangan kulat yang berpunca dari perubahan cuaca hujan dan panas.

"Selain itu, petani hadapi kekangan untuk mendapatkan dan mengekalkan nisbah campuran baja yang tepat untuk sistem fertigasi dan lebih menyulitkan apabila sistem fertigasi yang menggunakan pemasa (timer) ini akan tetap beroperasi walaupun ketika hujan.

"Manakala, masalah ketiga adalah bagi memastikan setiap pokok menerima siraman yang mencukupi setiap hari kerana untuk memeriksa kelembapan tanah bagi setiap pokok biasanya mengambil masa yang panjang dan tidak efektif,"

katanya.

Hairul Iskandar pula berkata, fungsi yang ada pada sistem penyampalan automatik (ADS) itu membolehkan kawalan diberikan pada kekerapan dan kuantiti siraman air, baja serta racun pada tanaman.

Katanya, arahan itu diberikan dari kotak kawalan berdasarkan analisis data yang diterima dari alat pengesan (sensor) yang di pasang di sekitar tanaman.

Inovasi itu juga boleh beroperasi secara manual sekiranya terdapat gangguan capaian WiFi di antara kotak kawalan dan peranti.

"Ciptaan ini jika diperluaskan penggunaannya dalam tanaman fertigasi akan memberi nilai tambah tersendiri antaranya penjimatan kepada kos tenaga kerja dan pembajaan," katanya.

DR Mohd Yahya melihat buah rock melon berkualiti tinggi dihasilkan menerusi sistem LPCS.



SEBANYAK 400 rock melon dipetik dari fasa pertama projek LPCS.



BUAH yang dihasilkan berkualiti tinggi.

Bunga kantan digunakan sebagai pelengkap dalam masakan yang banyak digunakan masyarakat Melayu.

Ia dijual dengan harga yang tinggi di pasaran iaitu antara RM2 hingga RM4 sekuntum.

Biar pun mudah ditanam, namun jika tidak dijaga dan diselenggara, pokok kantan dikatakan susah untuk berbunga.

Bagi yang berminat untuk menanam pokok kantan, ia ideal ditanam di tanah jenis berpasir yang teduh dan lembap seperti berhampiran sungai atau kawasan beralir.

Kawasan tanaman perlu dibersihkan, digembur,



MUDAH ditanam, namun jika tidak dijaga dan diselenggara, pokok kantan dikatakan susah untuk berbunga.

diberi baja dan disemur racun rumput. Apabila batas siap, baharulah rizom kantan boleh semai. Selesai semai, tutup

batas dengan daun kering dan kemudian lakukan siraman.

Ia bertujuan mengekalkan kelembapan tanah untuk tempoh yang



BUANGA kantan bernilai tinggi di pasaran.

lama kerana jika terlalu kering, tunas baharu akan lambat bercambah.

Air paling banyak diperlukan di awal tumbesaran tanaman yang

baharu di semai.

Namun, jangan sampai air bertakung kerana ia menyebabkan rizom rosak dan busuk. Apabila tanaman berusia

16 minggu baharulah pembajaan boleh dilakukan.

Jika ada daun yang kering dan menguning, ia perlu segera dibuang bagi menggalakkan penghasilan sulur baharu.

Kebiasaannya, pada minggu ke 38 hingga 42, kantan mula berbunga dan ia boleh dituai apabila batang bunga sudah mencapai ketinggian 30 sentimeter.

Lebih penting, tuai batang bunga kantan sampai ke dasar tanah kerana jika hanya potong bahagian bunga sahaja dan ada sisa batang, kudup baharu akan lambat tumbuh.